

## PENGALAMAN SISWA GURU PEKAK DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU: SATU KAJIAN KES

*(Deaf teacher trainees experiences at the Institute of Teacher Education: A Case Study)*

Shahrul Arba'iah Othman<sup>a</sup>, Nurfarrazilah Mohd Yusak<sup>b</sup>

<sup>ab</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Malaysia

E-mail: shahrul\_arbaiah@yahoo.com

**Abstrak:** Kajian ini telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat secara mendalam tentang pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh siswa guru pekak sepanjang menuntut di Institut Pendidikan Guru (IPG). Seramai lapan orang bekas siswa guru yang telah menamatkan pengajian dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perguruan serta dua siswa guru yang sedang menuntut di IPG terlibat dalam kajian ini. Soal selidik telah diemel kepada setiap peserta. Soal selidik mengandungi soalan tertutup tentang demografi dan sepuluh soalan terbuka antaranya tentang pengalaman, cabaran, serta cara menangani cabaran tersebut. Cabaran terbesar yang dihadapi oleh semua peserta kajian adalah kesukaran mengikuti kuliah. Peserta kajian menyatakan kebanyakan pensyarah tidak memahami keperluan individu pekak semasa menyampaikan kuliah. Khidmat sokongan khusus iaitu Juru Bahasa Isyarat bertauliah hanya diterima oleh tiga orang peserta kajian dan untuk tempoh yang singkat. Semua peserta kajian menyatakan sokongan yang banyak diterima adalah daripada rakan tipikal dan rakan pekak serta pensyarah. Rakan tipikal membantu dari aspek penterjemahan bahasa isyarat ketika kuliah dan menyalin nota. Adalah dicadangkan agar IPG mewujudkan khidmat sokongan seperti menyediakan khidmat Juru Bahasa Isyarat atau pencatat nota secara lebih sistematik. Selain itu juga para pensyarah diharap dapat mengubah strategi penyampaian kuliah dengan menerapkan pembelajaran abad ke-21 serta menggunakan teknologi maklumat dan mempraktikkan *flipped classroom* untuk memudahkan siswa guru pekak untuk mengikuti perbincangan semasa kuliah. Rakan tipikal juga diharap dapat memainkan peranan sebagai penterjemah bahasa isyarat secara bergilir-gilir. Selain daripada membantu rakan pekak, aktiviti ini dapat juga meningkatkan penguasaan bahasa isyarat rakan tipikal yang mengkhusus dalam bidang masalah pendengaran.

**Kata kunci:** siswa guru pekak, Institut Pendidikan Guru

**Abstract:** The study was conducted to gain an insight into the experience of deaf teacher trainees studying at the Institute of Teacher Education (IPG). Eight former trainees who have completed their studies and obtained a Bachelor of Education and two teacher trainees who are currently studying in the institutes were involved in the study. Questionnaires were emailed to each participant. The questionnaire contains questions on demographics and open ended questions about their experiences, challenges, and support received during their study at the institute. The biggest challenge faced by all respondents was the difficulty during lectures. Respondents said most lecturers do not understand the needs of deaf individuals when delivering the lecture. Support services such as sign language interpreters were only gained by three respondents. This is because at that time there were three sign language interpreters from an NGO undergoing their industrial training at the institute. All respondents indicated that many support received from typical colleagues, deaf colleagues and lecturers. Typical colleagues helped in sign language translation and taking notes during lectures. It is recommended that the IPG creat support services such as providing sign language interpreter or notetaker in a more systematic way. It is also hope that lecturers could practised 21<sup>st</sup> century learning environment such as the flipped classroom in order to help deaf teacher trainees to follow the discussion during lectures. Typical colleagues are also expected to take turns to be the sign language interpreters during lectures. Apart from helping deaf trainees, this activity can also improve their mastery of sign language.

**Keywords:** deaf teacher trainees, the Institute of Teacher Education

### PENDAHULUAN

Mulai tahun 2004, Institut Pendidikan Guru (IPG) telah mula menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian kepada bakal-bakal guru. IPG Kampus Ilmu Khas adalah satu-satunya IPG di Malaysia yang menawarkan kursus major pendengaran kepada siswa guru. Peluang ini tidak terbatas kepada calon guru tipikal sahaja tetapi juga kepada calon guru yang berkeperluan khas. Sehingga kini seramai 8 orang pendidik pekak telah berjaya menamatkan pengajian mereka, manakala seorang sedang menuntut di Tahun 2 dan seorang di Tahun 1. Mereka mengkhusus dalam bidang Pendidikan Khas

Masalah Pendengaran.

Kehidupan di institusi pengajian tinggi (IPT) amat mencabar bagi semua pelajar. Semua pelajar terpaksa menyesuaikan diri dengan suasana pembelajaran di IPT yang amat berbeza daripada suasana di sekolah. Keadaan ini lebih mencabar bagi siswa pekak kerana halangan utama mereka adalah kesukaran untuk berkomunikasi dengan rakan tipikal dan pensyarah. Kajian oleh Bisol, Valentini, Simioni dan Zanchin (2010) terhadap lima orang siswa pekak di sebuah universiti di Brazil mendapati amat sukar bagi pelajar pekak untuk menyesuaikan diri dalam dunia orang yang tidak pekak. Mereka juga mendapati peri

pentingnya untuk pensyarah mengorganisasikan kembali strategi pengajaran agar sesuai dengan siswa pekak. Kajian tersebut turut menilai keperluan menggunakan khidmat Juru Bahasa Isyarat di pusat pengajian tinggi.

Kajian oleh Fleming dan Hay (2006) terhadap 22 siswa pekak di Universiti Wolverhampton mendapati khidmat Juru Bahasa Isyarat digunakan oleh 60 peratus pelajar manakala 50 peratus menggunakan khidmat *note-taker*. Kajian tersebut juga mendapati hanya dua daripada 22 siswa tersebut boleh memahami tugas yang diberikan kepada mereka. 11 siswa menyatakan mereka menghadapi kesukaran untuk memahami teks yang perlu dibaca untuk menyelesaikan tugas. 66 peratus menyatakan mereka gagal menangani beban tugas sementara 65 peratus menyatakan tidak dapat mendekati pensyarah. Ini menunjukkan bahawa, walaupun khidmat sokongan seperti Juru Bahasa Isyarat disediakan, siswa pekak masih menghadapi masalah dalam pelajaran. Smith dan Allman (2010) pula berpendapat bahawa penyampaian pengajaran dan pembelajaran untuk bakal guru pekak seharusnya menggabungkan pedagogi yang berkesan dan teknologi yang inovatif antaranya *Camtasia* dan *Wimba*. Kedua-dua teknologi ini sesuai untuk pengguna yang berbahasa isyarat.

Sementara itu, kajian oleh Shahrul Arba'iah Othman, Manisah Mohd Ali dan Norzaini Azman (2008), mendapati tiga set faktor yang tekal iaitu i) faktor ibu bapa, ii) khidmat sokongan yang diterima, dan iii) sikap pelajar pekak, memainkan peranan yang penting dalam menyumbang kepada kecemerlangan akademik pelajar pekak di institusi pengajian tinggi. Kebolehan untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan baharu di kampus bergantung kepada ciri-ciri peribadi, kemahiran, sejarah hidup dan bagaimana mereka mendepani tahap perkembangan diri sebagai seorang siswa (Bisol et. al, 2010). Oleh itu, untuk berjaya di IPT, siswa pekak bukan saja perlu menumpukan perhatian kepada akademik semata-mata, tetapi mereka juga perlu bergaul dengan rakan tipikal, pensyarah dan persekitaran. Namun demikian, menurut Lang (2002) terlalu sedikit komunikasi secara terus berlaku antara siswa pekak dan rakan tipikal, atau antara siswa pekak dengan para pensyarah. Ini mengakibatkan mereka berada dalam situasi kebergantungan untuk kelangsungan hidup di IPT. Isu kedua yang dibangkitkan oleh Lang adalah berkaitan dengan khidmat sokongan. Meskipun khidmat sokongan adalah perlu, ia mungkin mengukuhkan stigma perbezaan selain menambah beban dan komitmen kepada siswa pekak. Magongwa (2008) pula mendapati bahawa pihak IPT menyedari tentang keperluan siswa pekak namun dari segi pengalaman sosial dan akademik menunjukkan mereka masih tidak diintegrasikan sepenuhnya dalam kehidupan kampus akibat masalah komunikasi, kekurangan khidmat sokongan dan sikap siswa pekak yang kurang asertif.

Justeru, adalah penting untuk mengkaji pengalaman yang dilalui oleh siswa guru agar mereka dapat dibantu untuk lebih cemerlang sebagai guru dan dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan di kampus seperti rakan tipikal yang lain. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklumat secara mendalam tentang pengalaman siswa guru pekak sepanjang menuntut di IPG. Objektif khusus kajian kes ini adalah untuk mengenal pasti dan mencungkil maklumat tentang (a) pengalaman siswa guru pekak semasa menuntut di IPG, (b) cabaran yang dihadapi, (c) khidmat sokongan, dan (d) cara menangani cabaran yang dihadapi.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah kajian kes. Paradigma kualitatif difikirkan adalah lebih sesuai kerana sampel kajian adalah terhad. Paradigma kualitatif juga dapat mencungkil secara mendalam pengalaman yang telah dilalui oleh semua peserta kajian. Pemilihan peserta kajian dilakukan menerusi kaedah persampelan bermatlamat atau *purposive sampling* (Neuman, 2011). Menurut Neuman, kaedah persampelan bermatlamat sesuai digunakan apabila kes-kes adalah unik dan kaedah ini dapat memberi banyak maklumat. Di samping itu terdapat realiti sosial yang tidak dapat diukur menggunakan statistik (Silverman, 2013). Seramai lapan orang bekas siswa guru pekak yang telah menamatkan pengajian mereka dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian serta dua siswa guru yang sedang menuntut di IPG terlibat dalam kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada dua orang lelaki dan lapan perempuan. Soal selidik telah diemel kepada setiap peserta. Soal selidik mengandungi soalan tertutup tentang demografi antaranya jenis dan tahap pekekakan, umur semasa kepekakan dikenal pasti, penggunaan alat bantu dengar, kaedah komunikasi yang digunakan, dan jenis persekolahan yang dilalui. Manakala sepuluh soalan terbuka yang ditanya antaranya tentang pengalaman akademik, cabaran yang dihadapi, dan bagaimana menangani cabaran. Selain itu dua orang siswa guru yang sedang menuntut di IPG telah ditemu bual secara bersemuka. Data telah dianalisis secara induktif.

Data menunjukkan tahap pendengaran semua peserta kajian berada pada tahap teruk dan sangat teruk (70-90+ dB). Seorang menghadapi masalah pendengaran jenis konduktif dan selebihnya jenis sensorineural. Kebanyakan peserta kajian yang dikaji menggunakan alat bantu dengar manakala seorang telah menjalani pacakan koklea ketika sedang menuntut di IPG. Kaedah komunikasi utama yang digunakan oleh semua peserta kajian adalah bahasa isyarat. Cuma dua orang yang boleh bertutur dengan agak baik namun masih menggunakan bahasa isyarat. Semua peserta kajian telah dikenal pasti menghadapi masalah pendengaran ketika berumur antara kosong hingga dua tahun. Ini bererti mereka menghadapi masalah pekak

*prelingual*. Pengalaman persekolahan mereka pelbagai, di mana dua daripada mereka telah mengikuti program inklusif sepenuhnya, dua di Sekolah Pendidikan Khas (SPK), tiga di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan tiga lagi berpengalaman di SPK dan PPKI.

## DAPATAN

Analisis soal selidik soalan terbuka menunjukkan bahawa, semua peserta kajian menghadapi pengalaman dan cabaran yang hampir sama. Peserta kajian menyatakan bahawa mereka menghadapi sikap positif dan negatif di kampus. Empat kategori yang dibincangkan dalam penulisan ini ialah pengalaman, cabaran yang dihadapi, khidmat sokongan dan cara menangani cabaran.

### Pengalaman akademik

Semua peserta kajian menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi. Hanya dua orang yang boleh bertutur tetapi perlu melihat gerak bibir penutur. 10 orang belajar di SPK atau PPKI manakala hanya dua orang yang mengikuti program inklusif sepenuhnya. Di SPK dan PPKI, guru-guru mengajar menggunakan komunikasi seluruh dan bahasa isyarat sebagai medium penyampaian pengajaran dan pembelajaran (PdP). Hal ini tidak berlaku di IPG kerana hanya pensyarah yang mengajar bidang pendengaran yang boleh berbahasa isyarat. Kaedah pembelajaran yang berbeza ini menimbulkan kesukaran kepada siswa guru pekak untuk mengikuti kuliah dan mengintegrasikan diri di kampus. Mereka menyatakan tidak dapat belajar tanpa Juru Bahasa Isyarat semasa kuliah untuk memahami isi kuliah yang disampaikan. Peserta kajian terpaksa bergantung kepada rakan tipikal untuk mengisyratkan apa yang disampaikan oleh pensyarah. Mereka juga terpaksa bergantung kepada nota-nota yang disalin oleh rakan tipikal. Mereka menyatakan bahawa ada antara rakan tipikal akan bergilir-gilir menjadi Juru Bahasa Isyarat sepanjang PdP berlangsung. Namun demikian ada juga peserta kajian yang menghadapi situasi sebaliknya. Menurutnya: *"...Saya pernah angkat tangan untuk bertanya pensyarah (terlepas dengar/terlepas baca gerak bibir) sehingga rakan sebelah berkata "sudah lah dia ada sebut tadi. Kenapa nak tanya lagi? Awak tak dengar ke? Tak fokus ke? Lembap la awk belajar... Orang lain penat tunggu pertanyaan awk (explain ulang2)..."*. Situasi sebegini telah membuatkan peserta kajian rasa tertekan. Keadaan ini jelas daripada jawapan peserta kajian berikut: *"...adakala saya tertekan dengan situasi ini sehingga saya terpaksa pulang ke rumah pada setiap minggu. Tiada sesiapa tahu situasi yang dihadapi oleh saya sepanjang pengajian selama 5 tahun setengah. Tertekan..."*

Majoriti peserta kajian menyatakan kebanyakan pensyarah tidak faham keperluan individu pekak apabila menyampaikan kuliah. Pensyarah tidak faham bahawa siswa guru pekak perlu melihat wajah, gerak bibir dan bahasa tubuh orang yang sedang berbicara. Ini dapat membantu siswa guru pekak memahami apa yang cuba disampaikan. Seterusnya dapatan menunjukkan

terdapat juga pensyarah yang apabila bercakap menggunakan mikrofon, mikrofon tersebut diletakkan betul-betul di hadapan mulut dan ini menghalang siswa guru pekak melihat pergerakan bibir pensyarah. Selain itu, ada juga segelintir pensyarah yang tidak jelas pergerakan bibirnya apabila bercakap. Turut dinyatakan bahawa sebilangan pensyarah gemar berjalan mengelilingi bilik kuliah sambil mengajar. *"...Ada sesetengah pensyarah (bidang pendidikan khas & bukan pendidikan khas) suka berdiri sambil berjalan ke belakang, agak sukar untuk saya membaca gerak bibir pensyarah. Terpaksa toleh ke belakang, sampai leher pun tegang..."* Ini mengakibatkan siswa guru pekak tidak dapat mengikuti dengan baik kuliah yang disampaikan. Seorang peserta kajian lain menyatakan *"Saya menghadapi masalah akademik di kelas kerana tidak boleh mendengar cakap pensyarah. Pensyarah membimbing saya dalam tempoh yang singkat. Tanpa bahan bantu mengajar, saya sukar belajar di dalam kelas dan berasa sangat bosan."*

Peserta kajian juga menyatakan kadang-kala ada bahan atau maklumat penting yang disampaikan secara lisan oleh pensyarah tetapi tiada di dalam paparan slide. Oleh hal yang demikian, peserta kajian lebih menghargai jika pensyarah menulis isi penting di papan tulis atau menggunakan powerpoint.

Selain daripada kesukaran mengikuti kuliah disebabkan masalah komunikasi, peserta kajian juga menyatakan sukar mencari bahan-bahan sumber seperti buku yang berkaitan dunia pendidikan untuk pekak. Hal ini kerana kebanyakan bahan sumber adalah dalam bahasa Inggeris sedangkan keupayaan mereka agak terhad dalam bahasa tersebut. Meskipun menghadapi masalah untuk berhubung dengan rakan tipikal, pensyarah dan warga kampus disebabkan oleh kekangan komunikasi, serta kekurangan bahan sumber pembelajaran, namun semua peserta kajian dapat mengatasi masalah ini dan mencapai kejayaan akademik setanding rakan tipikal, malah ada yang lebih menyerlah daripada rakan tipikal. Pencapaian akademik semua peserta kajian adalah baik dengan memperoleh Purata Nilai Gred Terkumpul (PNGT) di antara 3.25 dan 3.74.

### Integrasi sosial

Selain daripada kesukaran akademik, peserta kajian telah mengenal pasti beberapa cabaran yang dihadapi ketika menuntut di IPG antaranya sikap rakan tipikal dan keterasingan sosial. Peserta kajian menyatakan bahawa aspek kehidupan sosial di IPG adalah sukar dan mencabar. Perasaan terasing dari segi sosial ini berjaln dengan kesukaran akademik seperti yang dijelaskan dalam bahagian sebelum ini. Seorang peserta kajian menyatakan: *"...dari segi pergaulan, memang banyak cabaran sebenarnya. Tak semua orang ikhlas membantu saya. Seperti nota, assignment, keluar bersiar-siar. Apabila saya tidak faham dengan tugasan,*

*saya pergi ke bilik dorm dan bertanya kepada mereka. Ada rakan kata "saya sibuk lah, saya tak tahu lah, awak tanya lah mak ayah awak lah..."* Bagaimanapun, data kajian juga menunjukkan beberapa peserta kajian berpuas hati dengan interaksi sosial dengan rakan pekak dan rakan tipikal. Contoh berikut memperjelaskan hal tersebut: *"Saya suka belajar di IPG untuk menjadi seorang guru pekak yang berpontensi. Kelebihan saya belajar di IPG adalah untuk belajar perkara baru daripada kawan-kawan tipikal. Mereka selalu membantu saya untuk memperoleh maklumat yang berkaitan dengan akademik. ... kebetulan saya dapat rakan-rakan pekak di sepanjang pengajian IPIK. Saling support antara satu sama lain. Hilang stress. Kerana mereka pun berada di dalam situasi yang sama."* Peserta kajian juga menyedari bahawa interaksi sosial memerlukan kedua-dua pihak untuk saling memahami dan menerima seperti katanya, *"...kadang-kadang bermasalah untuk bergaul dengan rakan tipikal. Bergantung pada kebolehterimaan rakan tipikal terhadap keadaan rakan pekak. Ataupun kemungkinan sikap rakan pekak sendiri atau rakan tipikal yang bermasalah."*

#### **Khidmat sokongan**

Seperti dijangkakan, kebanyakan peserta kajian menyatakan sokongan yang banyak diterima adalah daripada rakan tipikal, rakan pekak, pensyarah dan ibu bapa. Khidmat sokongan khusus iaitu penterjemah bahasa isyarat pernah diterima oleh hanya tiga orang peserta kajian untuk satu jangka masa yang pendek. Hal ini kerana pada waktu itu terdapat tiga orang Juru Bahasa Isyarat daripada sebuah badan bukan kerajaan telah ditempatkan di IPG tersebut. Ketiadaan Juru Bahasa Isyarat menyukarkan peserta kajian untuk mengikuti kuliah.

Sokongan daripada rakan tipikal juga banyak membantu peserta kajian untuk mengikuti kuliah dengan agak lancar. Rakan tipikal mengambil inisiatif menjadi Juru Bahasa Isyarat secara bergilir ketika kuliah dan aktiviti lain. Rakan tipikal juga membantu dengan meminjamkan nota dan menjelaskan kekaburan yang timbul.

Malah didapati juga ada pensyarah yang membantu dengan memberi salinan nota kuliah. Menurut seorang peserta kajian, *"...kadang2 pensyarah bantu dan beri salinan nota. Pergi ke kedai fotostat, buat salinan. Bayar dengan menggunakan duit elaun, kadang kala ikat perut semata-mata mendapatkan bahan2 daripada pensyarah – guna duit untuk buat salinan fotostat."*

Keluarga juga merupakan sumber sokongan kepada peserta kajian. Ini jelas daripada jawapan seorang peserta kajian: *"...sebab itu lah setiap minggu saya kerap pulang ke rumah (kerap diberi amaran oleh*

*warden asrama). Saya perlu mendapatkan sokongan daripada ibu bapa saya. Tanpa sokongan ibu bapa saya, saya tidak dapat meneruskan pengajian..."* Seorang peserta lain menambah: *"...keluarga membantu saya cari ilmu dengan bahan-bahan sumber di luar IPG..."*

Pihak pentadbiran juga dinamakan sebagai antara yang memberi sokongan kepada peserta kajian. Menurut mereka pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) banyak membantu mereka menguruskan keperluan pembelajaran di kampus.

#### **Menangani cabaran**

Segala cabaran yang ditempuhi cuba ditangani sebaik mungkin oleh setiap peserta kajian. Mereka mengukuhkan nilai peribadi *"...dengan sentiasa bersemangat, sentiasa ada rasa ingin tahu, cekal hati, sentiasa bersiap sedia dengan cabaran yang bakal tiba. Mereka memotivasi diri dengan berusaha berkali berganda untuk menimba ilmu."*

Peserta kajian juga menyatakan hubungan yang erat antara siswa dan pensyarah serta kebolehterimaan pensyarah bukan bidang dalam pendidikan khas terhadap pelajar OKU di IPG dilihat sebagai suatu yang mendorong mereka untuk terus berusaha. Menurut seorang peserta kajian: *"Kalau saya tidak faham, saya pergi berjumpa dengan pensyarah bidang pendidikan khas. Saya tahu pensyarah sibuk dengan kerja2nya, tetapi saya bertekad pergi jumpa pensyarah dengan harapan dapat input, walaupun pensyarah busy."* Penggunaan bahan-bahan visual seperti Powerpoint dalam PdP juga memudahkan pelajaran siswa guru.

Selain pensyarah, rakan tipikal dan rakan pekak merupakan tempat rujukan peserta kajian. Mereka selalu berbincang dengan rakan-rakan dan berkongsi nota. Terdapat rakan, senior dan pensyarah yang mahir dalam bahasa isyarat dan ini telah sedikit banyak membantu mereka dalam kehidupan di kampus.

#### **PERBINCANGAN**

Demografi peserta kajian memperlihatkan ciri-ciri yang hampir sama. Tahap pendengaran semua peserta kajian (n=12) adalah melebihi 70dB dan semua kecuali seorang menghadapi masalah pendengaran jenis sensorineural. Mereka juga telah dikenal pasti menghadapi masalah pendengaran ketika berumur antara kosong hingga dua tahun. Kaedah komunikasi utama yang digunakan oleh semua peserta kajian adalah bahasa isyarat. Sepuluh daripada mereka mendapat pendidikan rendah dan menengah di sekolah yang menggunakan komunikasi seluruh sebagai medium PdP. Apabila melihat kepada ciri demografi ini, dapat dijangkakan kesukaran yang perlu dilalui mereka untuk bersaing dengan rakan tipikal yang lain. Ini kerana selain daripada menghadapi masalah biasa yang dihadapi oleh individu pekak seperti tahap kebolehan berbahasa kekurangan kemahiran logik, masalah bacaan

dan pemahaman, kelemahan dalam penulisan serta keterasingan sosial, (Bisol et. al, 2010), mereka akan menghadapi masalah untuk mengikuti kuliah kerana mod komunikasi yang berbeza. Persekitaran yang baharu juga akan menimbulkan masalah kepada mereka

Sebilangan peserta kajian menyatakan mereka mendapat sokongan daripada pensyarah dalam menangani kesukaran mereka mengikuti kuliah dengan menyediakan bahan PdP berbentuk visual seperti Powerpoint dan meminjamkan nota kuliah. Turut dinyatakan bahawa kebolehterimaan pensyarah terhadap siswa OKU dan kemahiran berbahasa isyarat dalam kalangan segelintir pensyarah serta hubungan mesra dengan pensyarah membantu siswa pekak menghadapi cabaran yang dihadapi. Namun demikian, selari dengan kajian-kajian lepas (Fleming dan Hay, 2006; Komesaroff, 2005) beberapa peserta kajian menyatakan ketidakpuasan terhadap gaya pengajaran pensyarah yang kurang berusaha untuk membuat akomodasi terhadap keperluan siswa guru pekak yang ada di dalam kelas tersebut. Adalah penting untuk pensyarah bersifat lebih prihatin dengan memahami kesukaran dan keperluan siswa guru pekak dan cuba memenuhi keperluan tersebut.

Integrasi sosial dilihat amat penting untuk kejayaan siswa guru pekak untuk berjaya di institusi pengajian tinggi (Bisol, Valentini, Simioni dan Zanchin, 2010; Lang, 2002; Magongwa, 2008). Kajian ini mendapati bahawa kebanyakan peserta kajian berpuas hati dengan interaksi sosial yang terjalin dengan rakan tipikal dan rakan pekak. Walau bagaimanapun, terdapat juga peserta kajian yang tidak berpuas hati malah berasa tertekan dalam hubungan mereka dengan rakan tipikal dari segi sosial dan akademik. Dapatan ini selari dengan kajian Bisol et. al (2010) yang menjelaskan tentang kesukaran siswa pekak menyesuaikan diri dalam dunia orang yang tidak pekak.

Khidmat sokongan sangat penting untuk membantu kejayaan siswa guru pekak dalam banyak hal. Dapatan menunjukkan sumber sokongan utama adalah rakan, pensyarah serta ibu bapa. Khidmat sokongan Juru Bahasa Isyarat hanya dapat dinikmati oleh tiga orang peserta kajian dan untuk tempoh yang singkat. Hyde et. al (2009) mendapati bahawa walaupun khidmat sokongan disediakan oleh pihak universiti tetapi lebih daripada separuh responden pekak yang dikaji tidak pernah menggunakan kemudahan tersebut.

Dalam mengharungi kehidupan yang mencabar di kampus, dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan peserta kajian dapat menanganinya dengan mengukuhkan nilai peribadi, menjalin hubungan yang akrab dengan rakan tipikal, rakan pekak serta pensyarah. Dapatan ini selari dengan kajian Shahrul Arba'iah Othman, Manisah Mohd Ali dan Norzaini Azman (2008), Hyde et. al (2009).

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

### Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dilakukan, dapatlah disimpulkan bahawa: (1) siswa guru pekak menghadapi cabaran dalam mengikuti kuliah disebabkan oleh sikap pensyarah yang kurang prihatin terhadap keperluan pembelajaran mereka; (2) bantuan rakan tipikal terhadap siswa guru pekak semasa kuliah berlangsung amat diperlukan dan dihargai; (3) faktor khidmat sokongan seperti menyediakan khidmat sokongan Juru Bahasa Isyarat dan Pencatat Nota amat ditagih oleh siswa guru pekak.

### Cadangan

Adalah dicadangkan agar IPG mewujudkan khidmat sokongan seperti menyediakan khidmat Juru Bahasa Isyarat atau pencatat nota secara lebih sistematik. Selain itu juga para pensyarah diharap dapat menyediakan nota sebelum kuliah bermula untuk memudahkan siswa guru pekak untuk mengikuti perbincangan semasa kuliah. Para pensyarah boleh menerapkan pembelajaran abad ke-21 dengan menggunakan kaedah *flipped classroom* dan sebagainya untuk membantu siswa guru pekak menangani masalah tersebut. Rakan tipikal juga disarankan agar dapat memainkan peranan sebagai penterjemah bahasa isyarat secara bergilir-gilir. Selain daripada membantu rakan pekak, aktiviti ini juga dapat meningkatkan penguasaan bahasa isyarat rakan tipikal yang mengkhusus dalam bidang masalah pendengaran.

Kajian ini dijalankan untuk melihat pengalaman siswa guru pekak di IPG yang tidak menyediakan khidmat sokongan seperti Juru Bahasa Isyarat untuk kemudahan siswa guru pekak. Meskipun tiada sokongan khusus berpusat contohnya Juru Bahasa Isyarat yang disediakan oleh pihak pentadbiran, namun siswa guru pekak dilihat berjaya mengharungi cabaran dan menempatkan diri dalam kelompok penerima ijazah sarjana muda kelas dua atas. Kejayaan ini sebahagiannya berjaya diraih atas sokongan rakan tipikal, rakan pekak, pensyarah, ibu bapa, pihak pentadbiran IPG dan yang utama diri siswa guru pekak sendiri.

## RUJUKAN

- Bisol, C.A, Valentini, C.B, Simioni, J.L & Zanchin, J. 2010. *Deaf Students In Higher Education: Reflections On Inclusion*. (Online). ([www.scielo.br/pdf/cp/v40n139/en\\_v40n139a08](http://www.scielo.br/pdf/cp/v40n139/en_v40n139a08)) . Diakses pada 2 Oktober 2016.
- Fleming, J. & Hay, J.A. 2006. *Learning Strategies of Deaf and Hearing Impaired Students in Higher Education*. (Online) [wlv.openrepository.com](http://wlv.openrepository.com). Diakses pada 12 september 2016.

- Hyde, M., Punch, R., Power, D., Hartley, J., Brennan, L. & Neale, J. 2009. *The Experiences of Deaf and Hard of Hearing Students at a Queensland University: 1985-2005*.
- Komesaroff, L. 2005. Category politics: deaf students' inclusion in the 'hearing university'. *International Journal of Inclusive Education*, 9, 389-403.
- Magongwa, L. 2008. *Deaf Teachers' Experience of Being Students At The University Of The Witwatersrand*. (Online). Diakses pada 2 Oktober 2016.
- Lang, H.G. 2002. Higher education for deaf students: research priorities in the new millenium. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education*, Oxford, Vol. 7, no. 4.
- Neuman, W.L. 2011. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Ed. ke-7. Wsconsin: Pearson.
- Silverman, D. 2013. *Doing Qualitative Research: A Practical Handbook*. Ed. ke-4. United Kingdom: Sage Publications.
- Shahrul Arba'iah Othman, Manisah Mohd Ali, & Norzaini Azman. 2008. Faktor ibu bapa dalam kecemerlangan akademik pelajar pekak: kajian kes retrospektif. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* Vol. 5.
- Smith, C.E. & Allman, T. 2010. Meeting the Challenges of Deaf Education Teacher Preparation: Innovative Practices in Online Learning. *MERLOT Journal of Online Learning and Teaching* Vol. 6, No. 2